

Bekalan air mencukupi tahun depan

➔ LRA Langat 2 siap Julai tahun depan beri manfaat sejuta penduduk

Oleh Wan Noor Hayati
Wan Alias
wanti@bh.com.my

► Bangi

Kira-kira sejuta penduduk di Hulu Langat bakal menikmati air bersih yang mencukupi menjelang pertengahan tahun depan.

Ia berikutan pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 yang kini

sudah 90 peratus dibangunkan dan dijangka siap sepenuhnya Julai tahun depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Seri Dr Zaini Ujang, berkata keseluruhan projek LRA itu dijangka beroperasi sepenuhnya Disember 2019 bagi membekalkan 25 peratus bekalan air terawat kepada penduduk Lembah Klang.

Katanya, 25 peratus bekalan air



Zaini dan Mohd Ekhwan bersama rakan agensi kerajaan dan UKM bergotong-royong membersihkan sampah anak Sungai Langat pada Majlis Sambutan Alam Sekitar 'Friends Of Langat River' di UKM, Bangi, semalam.

terawat ini merangkumi 1.13 juta liter air sehari.

1.13 juta liter air sehari

"Bekalan air bersih disalurkan daripada Empangan Kelau, Pahang merentasi banjaran Titiwangsa sepanjang 48 kilometer.

"Penduduk Hulu Langat bakal menikmati bekalan air ini setelah pembinaan loji siap pada tahun depan.

"Penduduk Lembah Klang pula

akan menikmatinya selepas kerja pemasangan paip di Koridor Utara dan Koridor Barat yang dijangka siap pada tahun 2019," katanya selepas merasmikan Majlis Sambutan Alam Sekitar 'Friends Of Langat River' di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, semalam.

Baik pulih anak sungai 50KM

Menerusi program itu, sebuah anak sungai dari kampus UKM ke Sungai Langat sepanjang 50 kilo-

meter sedang dibaik pulih dan sebuah Pusat Pendidikan Komuniti Sungai Langat diwujudkan bagi menanam kecintaan masyarakat terhadap pentingnya sumber air yang bersih.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor UKM, Prof Dr Mohd Ekhwan Toriman.

LRA Langat 2 dibina berikutan permintaan tinggi, peningkatan jumlah penduduk serta pertumbuhan pesat di Lembah Klang.